

22/02/2003

Perubahan kurikulum bermanfaat

PENYUSUNAN semula mata pelajaran Agama Islam sebagai sebahagian agenda menyemak semula kurikulum sekolah kebangsaan, memang sesuatu yang dinanti-nantikan. Islam sebagai ad-din sebenarnya menyeluruh untuk panduan hidup tetapi penerapan pendidikan Islam di sekolah dilihat hanya memberi penekanan kepada fardu ain sambil fardu kifayah kurang diberatkan. Dalam mendidik murid menjadi manusia yang baik dan berjaya, keseimbangan dalam kedua-duanya adalah perlu. Begitu juga dalam pengajian al-Quran, sekolah kebangsaan cenderung 'menyerahkan' tugas itu kepada sekolah agama kerajaan atau sekolah agama rakyat (SAR) sedangkan apa yang diajar di sekolah kebangsaan harus lengkap-melengkapi.

Teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa silibus subjek Agama Islam lebih memberatkan perkara sampingan tetapi meringankan perkara asas, menuntut langkah pembetulan. Andainya dibiarkan maka jadilah keadaan di mana upacara lebih dipentingkan daripada tujuan. Cuma, dalam pada cadangan pembelajaran pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah adalah baik, pelaksanaannya mungkin perlu diperhalusi kerana ia akan mengubah sistem persekolahan kepada satu sesi - sebagaimana kelas tuisyen yang dicadangkan kerajaan Perlis baru-baru ini. Untuk itu, lebih banyak bangunan tambahan atau sekolah baru perlu dibina bagi menampung keperluan berkenaan.